

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N19 JAWI**

Salam sejahtera dan salam perpaduan kepada semua.

Terlebih dahulu terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya. Ucapan saya pada hari ini merangkumi tiga portfolio ahli EXCO dan tajuk dengan tema:

**Realiti Pulau Pinang dalam Mencapai dan Merealisasikan Aspirasi Penang 2030.** Portfolio dan tajuk yang merangkumi adalah seperti berikut

1. Infrastruktur dan Pengangkutan, portfolio yang berhormat Tanjong Bungah.
2. Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, portfolio yang berhormat Paya Terubong.

**REALITI PULAU PINANG DALM MECAPAIKAN ASPIRASI PENANG 2030.**

- 1. Infrastruktur dan Pengangkutan yang matang sebagai tonggak utama bagi sebuah negeri dan bandar pintar.**

Tuan Yang di-Pertua

Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mempunyai keluasan tanah kedua kecil di negara Malaysia dan penduduk yang sebanyak 1.77 juta telah menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang ketiga tertinggi selepas Selangor and WP. Putajaya iaitu sebanyak 1656 orang per km<sup>2</sup>. Sebagai suatu negeri dan bandar yang begitu besar dalam negrara kita, sedihnya penduduk Pulau Pinang tidak dapat menikmati suatu sistem pengangkutan awam yang sempurna. Oleh itu, isu infrastruktur dan pengangkutan terutamanya pengangkutan awam menjadi satu isu yang bukan sahaja membimbangkan penduduk Pulau Pinang tetapi juga menjejaskan imej negeri dalam peringkat nasional dan dunia sebagai sebuah negeri pintar dan negeri yang mendahului negeri lain. Ahli-ahli yang berhormat terutamanya ahli Exco perlu faham betapa besarnya impak kesesakan lalu lintas dan sebuah sistem pengangkutan yang tidak matang kepada aktiviti ekonomi

seluruh negara terutamanya negeri yang kami kasihi ini kerana Pulau Pinang merupakan pengeksport terutama di negara kita yang menyumbangkan sebanyak 30.8 peratus atau 16.3 billion eksport negara yang diikuti oleh Johor yang hanya sebanyak 24%. Ini sebenarnya satu statistik yang amat terkejut merujuk kepada fakta bahawa Pulau Pinang merupakan negeri kedua terkecil mengikut keluasan tanah. Saya faham bahawa kerajaan negeri telah memperkenalkan Penang Transport Master Plan (PTMP) beberapa tahun lalu. Tetapi apakah yang sebenarnya sedang berlaku dengan projek ini dan ahli yang terhormat faham bahawa aspirasi Penang 2030 tidak akan dianggap sebagai berjaya tanpa satu sistem pengangkutan awam yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua

Oleh itu, inilah persoalan yang saya ingin memberi kepada kerajaan terutamanya yang terhormat Tanjong Bungah. Apakah yang sedang berlaku/perkembangan projek Penang Transport Master Plan (PTMP) ini terutamanya LRT Laluan Bayan Lepas yang kerajaan telah menjadikan projek ini terutama dan apakah cara-cara yang kerajaan ingin menggunakan untuk menangani isu kekurangan bantuan wang dari kerajaan persekutuan tanpa melambatkan projek ini. Kedua-dua soalan ini merupakan persoalan yang jawabannya memang diingini oleh kebanyakan penduduk Pulau Pinang. Saya mencadangkan bahawa kerajaan Pulau Pinang mengemaskinikan perkembangan semua projek PTMP terutamanya LRT Bayan Lepas dari masa ke semasa pada beberapa platform supaya penduduk dapat mendapat perkembangan terkini. Selain itu, saya juga mencadangkan bahawa Stesen Bas Sungai Nibong haruslah diubah dan dibangun dengan perkhidmatan awam lain kerana Penang Sentral telah diperkenalkan sebagai hab pengangkutan daerah utara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya berharap bahawa semua ahli-ahli yang terhormat dapat memahami betapa penting tajuk pertama saya dan izinkan saya bermula dengan tajuk seterusnya iaitu berkaitan dengan pelancongan dan ekonomi kreatif di negeri kita, portfolio yang terhormat paya terubong.

## **2. Peranan penting industri Pelancongan dan Ekonomi Kreatif dalam tempoh pemulihan ekonomi negeri Pulau Pinang selepas pandemik Covid-19.**

Pulau Pinang bukan sahaja merupakan penyumbang eksport terutama Malayisa. Ia juga sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di tapak dunia dengan dianugerah UNESCO World Heritage site dan beberapa anugerah yang terkenal seperti anugerah daripada Lonely Planet, CNN Travel dan sebagainya. Industri pelancongan yang terjejas semasa pandemik Covid 19 haruslah dititik berat oleh kerajaan kerana industri ini memainkan peranan yang sangat penting dalam memulihkan ekonomi negeri. Pelancongan negeri Pulau Pinang masih dalam tempoh pemulihan yang pesat dan berusaha untuk mengembali ke tahap sebelum pandemik. Dengan pembukaan sempadan dan kelonggaran langkah pencegahan Covid 19, kerajaan negeri haruslah mengambil peluang ini untuk menarik pelancong luar negara terutamanya penduduk China ke negara kita. Hal ini kerana peningkatan dalam kadar pelancong dapat merangsangkan ekonomi negara sekaligus meningkatkan pendapatan penduduk tempatan serta menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) atau 'Gross Domestic Product' (GDP) iaitu salah satu penunjuk ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan ini, saya ingin mengemukakan dua persoalan kepada kerajaan terutamanya kepada yang berhormat Paya Terubong iaitu apakah inisiatif kerajaan dalam membangunkan Pulau Pinang sebagai sebuah tapak pelancongan antarabangsa dan memulihkan industri pelancongan negeri. Soalan kedua, apakah polisi negeri yang dapat melindungi imej dan status tapak warisan Georgetown tahap penguatkuasaannya kerana kita dapat mengetahui bahawa bumbung bagi gudang sebelah Swettenham Pier diruntuh oleh sebuah pihak swasta tanpa keizinan bagi pembangunan dan kegunaan lain. Soalan kedua-dua ini dikemukakan kerana saya beryakin bahwa Pulau Pinang berpotensi menjadi sebuah tapak destinasi yang terkenal di seluruh dunia dengan keunikannya. Tetapi terdapat banyak aspek yang perlu dan harus lagi dinaiktaraf dan diberi usaha oleh kerajaan bagi mencapai aspirasi ini yang berlaras dengan aspirasi Penang 2030.

Tuan yang di-Pertua,

Oleh itu, saya juga ingin mencadangkan kepada dewan yang mulia ini dan kerajaan negeri terutamanya ahli yang berhormat Paya Terubong untuk meneruskan perbincangan dengan syarikat penerbangan negara lain untuk meningkatkan jumlah pernebatan terus ke negara lain seperti Qatar Airway ke Doha dan Emirates Airlines ke Dubai. Selain itu, kerajaan juga boleh menawarkan pakej-pakej pelancongan yang berbaloi dengan syarikat pelancongan seperti pakej 'flight+hotel' atau kad pelancongan 'Penang Tourist Card' seperti Paris Pass dan Singapore Tourist Pass. Sudah terang lagi bersuluh, kerajaan negeri haruslah memberi perhatian dalam pemulihan industri pelancongan yang memainkan peranan yang amat penting dalam ekonomi negeri serta seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Itu sahaja untuk tajuk kedua saya dan saya harap ahli-ahli yang berhormat terutamanya ahli kerajaan dapat memahami kepentingan industri pelancongan bagi negeri kita. Seterusnya, izinkan saya meneruskan dengan kesimpulan saya pada hari ini.

Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa penduduk Pulau Pinang mempunyai harapan yang tinggi untuk semua. Penduduk Pulau Pinang termasuk saya sedang menunggu dan berharap kerajaan untuk menunaikan janji kerajaan semasa pru14. Oleh itu, saya ingin menasihati kerajaan 'Don't talk the talk but walk the walk and walk the talk'. Semua anak muda di Pulau Pinang berpandangan tinggi terhadap anda untuk merealisasikan aspirasi Penang 2030 dan menjadi Pulau Pinang sebuah negeri yang pintar dan negeri yang mengadkan teladan negeri dan bandar lain. Semoga negeri yang kami kasihi ini sentiasa makmur dan sejahtera. Sekali lagi, terima kasih atas peluang yang diberi. Bersatu dan Setia.

Sekian, Terima kasih.

**Koay Zhan Er**

**N19 Jawi**

**Sidang Muda 2022/23**